

## Syarat AP 54 kategori barang *transhipment* dimansuh

---

**JOHOR BAHRU :** Kerajaan secara prinsipnya bersetuju memansuhkan syarat permit import (AP) bagi 54 kategori barang transhipment di semua pelabuhan negara. Menteri Pengangkutan, Anthony Loke, berkata keputusan itu dibuat oleh Kabinet kira-kira tiga bulan lalu dan akan membabitkan barang seperti komoditi dan ternakan. Barang terkawal dan berbahaya seperti senjata dan mercun pula masih kekal dikenakan syarat AP. Katanya, pelaksanaan syarat itu akan bermula sebaik sahaja Jabatan Kastam Diraja Malaysia selesai mewartakan senarai baharu untuk barang berkenaan bagi menggantikan senarai sedia ada. Di bawah senarai sedia ada, terdapat 74 kategori barang memerlukan syarat AP untuk proses transhipment di negara ini. "Jadi, senarai ini (senarai lama) perlu diubah dan dia (Kastam) perlu wartakan yang baharu tetapi pihak Kastam memerlukan tindakan daripada kementerian terbabit untuk memaklumkan kepada mereka terlebih dahulu (mengenai barang yang tidak memerlukan AP) sebelum tindakan mewartakan senarai yang baharu itu dapat diambil. "Kita harap semua langkah ini akan dapat diambil dalam masa terdekat dan diselesaikan pada suku pertama 2020," katanya pada sidang media selepas menyaksikan majlis meraikan pencapaian bersejarah Johor Port mengendalikan satu juta TEU Kontena di Pelabuhan Johor di sini, hari ini. Loke berkata dengan pelaksanaan syarat baharu itu, pihaknya berharap aktiviti transhipment dalam pelabuhan negara kita akan lebih mudah sekali gus menjadikan pelabuhan negara juga lebih kompetitif.

Sementara itu, berhubung Landasan Berkembar Elektrik Gemas-Johor Bahru (PLBE), Loke berkata projek berjalan seperti biasa dan tidak ditangguhkan. "Saya boleh katakan bahawa perkembangan projek Landasan Berkembar Elektrik Gemas-Johor Bahru ini berjalan lancar dan kita mengharapkan ia dapat diselesaikan pada 2021 cuma kita akan lihat bagaimana untuk mengaturkan semula jajaran landasan," katanya. Loke berkata, beliau sedar ada beberapa aduan diterima daripada pelbagai pihak termasuk penduduk di Labis berkenaan projek itu, antaranya mengharapkan supaya Bandar Labis tidak dipecahkan menjadi dua kawasan.

---

**SUMBER:** BERITA HARIAN | M/S: 14 | 17 DISEMBER 2019